

714 pelajar baru mendaftar di UMS Labuan

UB 6.9.2013 29

LABUAN : Seramai 714 pelajar baru termasuk 35 pelajar antarabangsa dari China mendaftar di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagisepengajian akademik 2013/2014.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata daripada jumlah itu, 474 merupakan pelajar perempuan dan selebihnya pelajar lelaki dari seluruh negara.

Katanya, seramai 518 pelajar akan mengikuti pengajian di lima program di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan 196 di dua program Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Beliau berkata SPKAL menawarkan lima program iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi

Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam.

Manakala SSIL hanya mempunyai dua program iaitu Teknologi Multimedia dan E-Dagang.

“ Seramai 27 pelajar antarabangsa dari China akan belajar di SPKAL dan lapan lagi di SSIL,” katanya dalam satu kenyataan di sini, kelmarin.

Sementara itu, ketibaan pelajar baru yang menaiki feri kenderaan dari Menumbok selamat tiba di terminal feri kira-kira pukul 12.30 yang disambut oleh Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Dr Ismail.

Turut hadir Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Musnin Mattersah dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslianah Opa, pegawai kanan SPKAL dan SSIL.

Dr Ismail berkata pelajar baru berkenaan akan menginap di kolej kediaman Beta dan Alpha di dalam kampus manakala selebihnya di kolej kediaman Mutiara di Sungai Bedau.



DR GEOFFREY (berdiri tujuh kanan) meraikan ketibaan pelajar baru UMS Labuan di terminal feri Labuan, kelmarin.

Dalam kenyataan itu juga beliau berkata kejayaan yang dicapai oleh pelajar adalah atas usaha sendiri sehingga dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi seperti hari ini.

Katanya, universiti bukan hanya sekadar tempat untuk mencapai kecemerlangan

akademik sahaja tetapi juga kefahaman dalam pelbagai aspek yang lebih seimbang, keutuhan moral, sikap amanah, permuaafakan dan berpandangan jauh merupakan aset penting yang perlu ada dalam diri seseorang individu yang bergelar mahasiswa.

Oleh itu, Ismail berharap

pelajar baru yang dapat melanjutkan pelajaran ke UMSKAL itu dapat memanfaatkan masa yang ada sepenuhnya.

“ Tuntutlah seberapa banyak ilmu yang ada, gunakanlah kekuatan dan kelebihan diri pelajar untuk menjadi pelajar yang kreatif dan inovatif,”

katanya.

Pada Jumaat pelajar berkenaan akan menghadiri Majlis Amanat Pengarah Kampus manakala majlis penutupan Majlis Suai Mesra (MSM) sesi 2013/2014 akan dirasmikan oleh Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli, Sabtu ini.



GEOFFREY (kanan) mengedarkan buku program kepada pelajar baru UMS Labuan yang tiba di terminal feri Labuan, kelmarin.